



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA DALAM KERJASAMA EKONOMI DARI TAHUN 1957-2003



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MOHAMAD AKMAL BIN IBRAHIM**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

## HUBUNGAN MALAYSIA- INDONESIA DALAM KERJASAMA EKONOMI DARI TAHUN 1957-2003

MOHAMAD AKMAL BIN IBRAHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, \_\_\_\_\_ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

\_\_\_\_\_  
Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, \_\_\_\_\_ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah \_\_\_\_\_ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

\_\_\_\_\_  
Tarikh

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM****Tajuk / Title:**

---

---

**No. Matrik /Matric's No.:**

---

**Saya / I :**

---

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau  
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rasmi  
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official  
Secret Act 1972**TERHAD/RESTRICTED**Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh  
organisasai/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains  
restricted information as specified by the organization where research  
was done.**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

---

  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

---

  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi Ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasai berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period  
and reasons for confidentiality or restriction.





## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirra..Alhamdulilahi rabbil alamin....

Syukur ke hadrat llahi yang telah memberkati hidup ini dengan memberi satu iltizam yang kuat untuk menyiapkan sebuah Tesis Phd ini. Tanpa usaha dan sokongan serta dorongan dari pelbagai pihak, kajian ini tidak akan berhasil dengan sempurna. Oleh itu, di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Burung kedidi tepian selasih,  
Mencelah pula pohon melati,  
Sekalung budi sejambak kasih,  
Tanda penghargaan seikhlas hati,

Saya ingin mentitipkan seperdu penghargaan buat Dr. Rabaah Binti Abdullah yang banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini. Sekalung penghargaan buat Dr. Ahmad Zainuddin Husin yang menarik minat dan memberikan ilmu yang luas tentang pengajian sejarah Asia Tenggara. Sejambak penghargaan buat Prof Dorodjatun Kuntoro Jakti, Dr. Lily Yulyadi dan Dr. Hanafi yang banyak memberi nasihat dan dorongan sepanjang penulisan tesis. Pensyarah-pensyarah jabatan sejarah, UPSI dan juga panel tesis Prof. Emiritus Abdullah Zakaria, Prof. Ishak Saat dan Prof Madya Mat Zin Mat Kib.

Buat ayahanda Ibrahim Abdullah dan bonda Hafisah Ahmad yang sentiasa berdoa dan banyak memberi dorongan. Buat kembar Nor Akmal Wahida yang banyak memberi pengharapan. Buat adik bongsu Nor Akmal Farahin yang sentiasa memberi cabaran. Buat Isteri Nadiah Binti Mohamad yang memahami dan membantu menggalas tanggungjawab dalam keluarga. Tidak lupa juga kepada putera dan puteri iaitu Muhamad Affan dan Nusaibah penyeri hidup sepanjang pengajian.

Terima kasih juga kepada teman-teman seperjuangan dan rakan-rakan pengajian sejarah, UPSI yang membantu dalam menjayakan tesis ini...wassalam

Mohamad Akmal Bin Ibrahim  
Jabatan Sejarah  
Universiti Pendidikan Sultan Idris





## ABSTRAK

Hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia pasca kemerdekaan mengalami hubungan saling memerlukan antara satu dengan lain. Namun begitu, perkembangan hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia turut mengalami hubungan naik turun disebabkan beberapa faktor termasuk faktor kepimpinan. Kajian ini bertujuan meneliti perkembangan dan perubahan hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia berdasarkan faktor kepimpinan era Perdana Menteri Malaysia pertama sehingga keempat dari tahun 1957 sehingga 2003. Bagi mencapai tujuan yang dinyatakan, kajian ini menggunakan pendekatan analisis sejarah untuk mengenal pasti sesuatu dasar berpandukan analisis dokumen, data statistik dan temubual. Kajian dokumen yang diaplikasikan dalam analisis bersifat kronologi dan deskriptif untuk meneliti dasar politik dan ekonomi Malaysia dan Indonesia dalam kerjasama ekonomi. Fokus diberikan kepada era kepimpinan Perdana Menteri dalam merumuskan hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia berdasarkan empat fasa. Fasa pertama adalah era Tunku Abdul Rahman konfrontasi. Kedua, era Tun Abdul Razak dalam fasa pemulihan hubungan diplomatik dan ekonomi. Fasa ketiga, era Tun Hussein Onn dalam meneruskan kesinambungan pembangunan ekonomi dan fasa keempat era Tun Mahathir Mohamad perkembangan modenisasi ekonomi dan krisis ekonomi Asia 1997 sehingga tahun 2003. Berdasarkan kepada dapatan yang diperoleh, rumusan yang dapat dibuat adalah faktor kepimpinan Perdana Menteri Malaysia menjadi penentu hala tuju perkembangan dan perubahan kepada impak kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia. Kegagalan kepimpinan dalam hubungan diplomatik Malaysia dan Indonesia akan memberi impak negatif kepada kerjasama ekonomi kedua-dua negara. Hubungan dua hala yang erat dalam politik Malaysia dan Indonesia akan menjamin peningkatan hubungan kerjasama ekonomi dua hala.





## MALAYSIA-INDONESIA ECONOMIC COOPERATION RELATIONS FROM 1957-2003

### ABSTRACT

The economic relations of Malaysia and Indonesia post-independence experienced an interdependent relation between each other. However, the development of economic cooperation between Malaysia and Indonesia also experienced a fluctuating relationship due to several factors, including leadership factors. This study aims to examine the development and transformation of economic relations between Malaysia and Indonesia based on the leadership of the first to fourth Prime Minister of Malaysia from 1957 to 2003. To achieve the stated purpose, this study uses historical analysis approach to identify a policy based on analysis of documents, data statistics and interviews. The study of documents applied in the analysis is chronological and descriptive to examine Malaysia and Indonesia's political and economic policies in economic cooperation. Focus is given to the era of Prime Ministerial leadership in formulating the economic cooperation relationship between Malaysia and Indonesia based on four phases. The first phase is the era of confrontation during Tunku Abdul Rahman's reign. Second, the era of Tun Abdul Razak in the phase of restoring diplomatic and economic relations. The third phase, the era of Tun Hussein Onn in continuing the economic development, and finally, the fourth phase is the era of Tun Mahathir Mohamad. He had developed economic modernization and handled the Asian economic crisis from 1997 to 2003. Based on the findings obtained, the conclusion that can be made is that every prime minister's leadership influences the impact of economic cooperation between Malaysia and Indonesia. The failure of leadership in Malaysia and Indonesia's diplomatic relations will have a negative impact on the economic cooperation between the two countries. Close bilateral relations in Malaysian and Indonesian politics will ensure increased bilateral economic cooperation.





## KANDUNGAN

### **Muka Surat**

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv



### **BAB 1**

### **PENGENALAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.3 Kajian Terdahulu	10
1.4 Pernyataan Masalah	31
1.5 Objektif Kajian	33
1.6 Kepentingan Kajian	34
1.7 Skop Kajian	35
1.8 Metodologi Kajian	37
1.9 Pembahagian Bab	41



**BAB 2 HUBUNGAN AWAL KERAJAAN DAN SISTEM EKONOMI DI ASIA TENGGARA**

2.1 Pengenalan	42
2.2 Sistem Ekonomi Kerajaan Awal Asia Tenggara	43
2.3 Sistem Ekonomi Srivijaya	46
2.4 Sistem Ekonomi Majapahit	51
2.5 Sistem Ekonomi Era Kolonial British dan Belanda Tahun (Sebelum Perang Dunia Kedua)1700-1900	61
2.5.1 Ekonomi British di Tanah Melayu Pada Tahun 1900-1945	68
2.5.2 Sistem Ekonomi Era Kolonial Belanda di Indonesia	72
2.6 Pra Kemerdekaan	76
2.7 Kesimpulan	81

**BAB 3 HUBUNGAN KERJASAMA EKONOMI MALAYSIA DAN INDONESIA ERA TUNKU ABDUL RAHMAN (1957-1970)**

3.1 Pengenalan	84
3.2 Hubungan Malaysia dan Indonesia Era Kemerdekaan 1957-1970	85
3.3 Hubungan Ekonomi Malaysia dan Indonesia Era Kemerdekaan 1957-1963	89
3.4 Hubungan Kerjasama Ekonomi Malaysia dan Indonesia 1957-1963	103
3.5 Pemutusan Hubungan Malaysia dan Indonesia Era Konfrontasi 1963-1966	114
3.5.1 Kesan Kepada Ekonomi Akibat Konfrontasi Malaysia dan Indonesia	118
3.6 Sistem Ekonomi Malaysia dan Indonesia Pasca Konfrontasi 1966-1970	123
3.7 Kerjasama Ekonomi Malaysia dan Indonesia Pasca Konfrontasi 1966-1970	128





3.8 Kesimpulan	140
----------------	-----

**BAB 4****HUBUNGAN KERJASAMA EKONOMI MALAYSIA DAN INDONESIA ERA TUN ABDUL RAZAK 1970-1977**

4.1 Pengenalan	144
4.2 Sistem Politik dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia	145
4.3 Hubungan Kerjasama Ekonomi Malaysia dan Indonesia 1970-1976	157
4.4 Impak Pemulihan Hubungan Politik dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia Terhadap Ekonomi Antarabangsa Malaysia	184
4.5 Kerjasama Ekonomi Malaysia dan Indonesia dalam ASEAN	194
4.6 Kesimpulan	196

**BAB 5****HUBUNGAN KERJASAMA EKONOMI MALAYSIA DAN INDONESIA 1977-1981 (TUN HUSSEIN ONN)**

5.2 Hubungan Bilateral dan Pembangunan Ekonomi Malaysia dan Indonesia	200
5.3 Sistem Ekonomi Malaysia dan Indonesia 1976-1981	204
5.4 Hubungan Kerjasama Ekonomi Malaysia dan Indonesia 1976-1981	218
5.4.1 Kerjasama Dalam Bidang Petroleum dan Gas	224
5.4.2 Penglibatan Malaysia dan Indonesia dalam Kerjasama Ekonomi ASEAN	234
5.5 Kesimpulan	236

**BAB 6****HUBUNGAN KERJASAMA EKONOMI MALAYSIA DAN INDONESIA 1981-2003 (TUN MAHATHIR MOHAMAD)**

6.1 Pengenalan	238
6.2 Hubungan Politik dan Bilateral Malaysia dan Indonesia	239





6.3 Dasar Ekonomi Malaysia dan Indonesia 1981-1997	241
6.3.1 Dasar ‘Buy British Last’	241
6.3.2 Dasar Pandang Ke Timur	246
6.3.3 Dasar-Dasar Ekonomi Negara	250
6.3.4 Sistem Ekonomi Indonesia 1981-1998	255
6.4 Hubungan Kerjasama Ekonomi Sebelum Krisis Ekonomi Malaysia dan Indonesia	258
6.4.1 Kerjasama Ekonomi antara Wilayah Malaysia dan Indonesia	259
6.4.2 Kerjasama Ekonomi dalam Perdagangan dan Pelaburan	265
6.4.3 Kerjasama Ekonomi dalam Blok Ekonomi ASEAN dan APEC	268
6.4.4 Kerjasama Guna Tenaga Malaysia dan Indonesia	270
6.5 Punca Krisis Ekonomi Malaysia dan Indonesia	273
6.5.1 Tindakan Pemulihan Krisis Ekonomi Malaysia dan Indonesia	278
6.5.2 Kesan Krisis Ekonomi Terhadap Malaysia dan Indonesia	292
6.6 Hubungan Ekonomi Malaysia dan Indonesia Selepas Krisis Ekonomi 1998-2003	295
6.6.1 Hubungan Kerjasama Ekonomi Era Tun Mahathir dan B. J Habibie	296
6.6.2 Hubungan Kerjasama Ekonomi Era Tun Mahathir dan Abdurrahman Wahid	300
6.6.3 Hubungan Kerjasama Ekonomi Era Tun Mahathir dan Megawati Sukarnoputri	303
6.7 Kerjasama Ekonomi Malaysia dan Indonesia dalam ASEAN 1998-2003	315
6.8 Kesimpulan	318





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

<b>BAB 7</b>	<b>KESIMPULAN</b>	321
<b>RUJUKAN</b>		330
<b>LAMPIRAN</b>		363



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Perdagangan Tanah Melayu dan Indonesia Dalam Tahun 1958-1962	105
3.2	Eksport British di Tanah Melayu dan Singapura	111
3.3	Perdagangan Barter di Pelabuhan Malaysia Barat (\$'000 Malaysia)	135
4.1	Hutang Luar Indonesia pada Negara Komunis dan Sosialis Tahun 1966 (Juta\$)	154
4.2	Eksport Indonesia ke Indonesia dari Tahun 1970-1976	163
4.3	Import Indonesia ke Malaysia dari Tahun 1970-1976	164
5.1	Eksport Malaysia ke Indonesia dari Tahun 1977-1981	220
5.2	Import Indonesia ke Malaysia dari Tahun 1977-1981	221
5.3	Nilai Import Barang dari Indonesia pada Tahun 1980	222
5.4	Peratusan Peruntukan Pembelanjawan Rancangan Pembangunan Ekonomi Malaysia berdasarkan Sektor dari Tahun 1966-1985	224
6.1	Pekerja Asing di Malaysia Tahun 1993-2003	272
6.2	Statistik Pekerja Migran yang Bekerja di Malaysia tahun 2001	305
6.3	Sektor Tenaga Kerja di Malaysia Tahun 2002 dan 2005	306
6.4	Aktiviti Perlanungan di Selat Singapura dan Selat Melaka Tahun 1994-2003	313





## SENARAI SINGKATAN

ABRI	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
AFNEI	<i>Allied Forces fo Netherlands East Indies</i>
AFTA	<i>ASEAN Free Trade Area</i>
APEC	<i>Asia-Pacific Economic Cooperation</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DEKON	Pembentukan Deklarasi Ekonomi
EIC	Syarikat Hindia Timur Inggeris
EPMI	<i>Esso Production Malaysian Inc</i>
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELCRA	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
IMF	<i>International Monetary Fund</i>
IBRA	<i>Indonesia Bank Restructuring Agency</i>
IGGI	<i>Inter-Governmental Group on Indonesia</i>
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KMB	Konferensi Meja Bundar
KNIP	Badan Pekerja Komite Nasional Indonesia Pusat
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian
MIDA	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
PKI	Parti Komunis Indonesia
PRRI	Pemerintaha Revolusineri Republik Indonesia
REPELITA	Rancangan Pembangunan Lima Tahun





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

RMK-1 Rancangan Malaysia Pertama

TAC *Treaty of Amity and Cooperation*

VOC *Vereenigde Oostindische Compagnie* (Syarikat  
Hindia Timur Belanda)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

- A Agreed Minutes of the Second Session of the Malaysia-Indonesia on Trade and Economic Relations
- B Malaysia/ Indonesia Economic Co-operation in Fishing Industry in Fishing Industry in the Straits of Malacca
- C Trade with Indonesia After Confrontation
- D Barter Trade Through Different Ports in West Malaysia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Hubungan Malaysia-Indonesia banyak dipengaruhi ikatan saling berkongsi nilai dan budaya antara satu sama lain. Persamaan daripada aspek asal usul budaya, bahasa, agama dan geo-politik menjadi landasan penting dalam membentuk hubungan kerjasama sedemikian rupa. Dalam era globalisasi, kerjasama ekonomi kedua-dua negara amat penting tambahan kedua-dua negara adalah negara berjiran dan mempunyai hasil perolehan pendapatan ekonomi yang sama. Bidang pertanian merupakan aset penting kedua-dua negara selain daripada hasil bumi seperti petroleum dan gas asli.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam penentuan dasar sesebuah negara, kepentingan negara menjadi fokus utama termasuklah dalam kerjasama ekonomi. Hubungan bilateral dan multilateral penting untuk memastikan negara dapat bersaing dalam arena antarabangsa. Hubungan bilateral adalah hubungan dua hala secara langsung kerajaan Malaysia dan kerajaan Indonesia dalam menjalankan kerjasama politik, ekonomi dan keselamatan. Hubungan multilateral pula adalah hubungan yang melibatkan penglibatan banyak negara dalam sesuatu kerjasama dalam organisasi antarabangsa seperti ASEAN yang menjalankan pelbagai kerjasama melibatkan 10 buah negara di rantau Asia Tenggara. Dalam hubungan kerjasama Malaysia-Indonesia, peranan kerajaan amat penting dalam meningkatkan pembangunan ekonomi. Namun begitu, peranan negara atau kerajaan terbatas untuk meningkatkan ekonomi negara. Justeru, peranan yang dimainkan oleh pelaku bukan negara seperti Organisasi Antarabangsa, *Multinational*

*Corporation (MNC), Transnational Corporation (TNC) dan kesatuan amat penting bupsi* untuk membantu meningkatkan ekonomi sesebuah negara. Pelaku bukan negara adalah satu kuasa selain daripada sebuah kerajaan yang berpengaruh sama ada dari aspek ekonomi, politik dan pentadbiran serta merangkumi individu, kumpulan dan perbadanan yang mempunyai objektif dan kepentingan bersama dalam memacu pembangunan ekonomi negara.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> ‘State actor’ dan ‘Non-State Actor’ merupakan takrif dalam hubungan antarabangsa yang menunjukkan pelaku utama dalam kerjasama politik, ekonomi dan pertahanan yang melibatkan negara. ‘State Actor’ iaitu pelaku negara adalah kerajaan atau pemerintah dalam sesebuah negara yang memainkan peranan dalam hubungan bilateral dan multilateral. ‘Non-State Actor’ pula adalah organisasi selain kerajaan dan pemerintah yang memainkan peranan dalam hubungan kerjasama dalam bidang ekonomi, politik mahupun pertahanan dalam hubungan bilaterl dan multilateral. Lihat S. Smith, S. Owen, & J. Baylis, *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations*, United Kingdom : Oxford University Press, 2007, hlm. 20.



Dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar, pastinya hubungan kerjasama ekonomi perlu dipertingkatkan bagi menjaga kelangsungan dan kepentingan negara. Ekonomi dunia yang berlandaskan pasaran bebas menjadikan dunia tanpa sempadan. Negara-negara bebas menjalankan perdagangan dan pelaburan ekonomi dalam pasaran antarabangsa. Namun begitu, dasar luar ekonomi sesebuah negara tidak semuanya sama kerana setiap hubungan luar ekonomi dijalankan perlu ada hubungan diplomatik mahupun dasar sistem ekonomi bebas dan bukan mengamalkan dasar tutup pintu.

Hubungan Malaysia-Indonesia dalam ekonomi memerlukan sokongan daripada Syarikat-Syarikat Korporat dan Organisasi Antarabangsa tidak terhad kepada kerajaan dalam memainkan peranan untuk memajukan ekonomi. Impak positif mahupun negatif pasti dapat dilihat melalui kerjasama kedua-dua negara ini melalui perdagangan import dan eksport, pelaburan asing dan guna tenaga.

Di rantau Asia Tenggara, sistem ekonomi traditional berteraskan aktiviti ekonomi agraria dan maritim telah bermula sejak abad pertama lagi. Namun begitu, sistem ekonomi di rantau Asia Tenggara terus mengalami perkembangan dan perubahan sehingga mengamalkan sistem ekonomi moden berteraskan pasaran komersial. Ini telah dibawa oleh penjajah untuk mengaut keuntungan hasil bumi di rantau Asia Tenggara. Keadaan ini juga berlaku kepada Malaysia di era British dan Indonesia di era Belanda sehingga dasar kolonial memberi impak dan kesan dalam sistem ekonomi selepas mencapai kemerdekaan.





Faktor sejarah lalu dan perubahan sistem politik dunia turut memainkan peranan dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Hubungan kedua-dua negara menghadapi pasang surut dalam isu-isu tertentu menjadi cabaran utama dalam kerjasama ekonomi dan politik. Beberapa isu yang masih berlanjutan ke hari ini menjadi cabaran utama kepada hubungan Malaysia dan Indonesia dalam menjalinkan kerjasama ekonomi. Isu-isu seperti masalah jerebu, pencerobohan perairan, pendatang asing (PATI), kawalan barang paten dan sebagainya antara cabaran yang perlu dihadapi dalam meningkatkan hubungan kerjasama ekonomi. Maka suatu kajian perlu dikaji untuk mengetahui hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dengan Indonesia pasca kemerdekaan. Ini bagi melihat perkembangan sistem dan kerjasama ekonomi yang berkait dengan kestabilan politik dan keselamatan kedua-dua negara. Impak hubungan ekonomi kepada Malaysia melalui kerjasama ini adalah pasaran ekonomi yang lebih luas ditambah kedua-dua negara mempunyai hasil komoditi utama yang sama. Dengan ini, dapat menjadi landasan kerjasama dalam menghadapi ekonomi global. Selain itu, kebergantungan ekonomi yang saling memerlukan antara satu sama lain menjadi hubungan erat kedua-dua negara dalam aspek politik dan keselamatan.

## 1.2 Latar Belakang

Hubungan Malaysia dan Indonesia dalam bidang ekonomi mempunyai sejarah tersendiri sejak pembentukan kerajaan awal di Asia Tenggara. Identiti ekonomi di rantau Asia Tenggara adalah aktiviti pertanian dan sumber mineral yang terkenal bersesuaian dengan geografi dan kesuburan tanah di rantau Asia Tenggara. Ini dapat dibuktikan dengan terbentuknya kerajaan awal agraria di Asia Tenggara seperti Kerajaan Funan yang wujud abad pertama di lembah sungai berdekatan lokasi



muara Sungai Mekong. Kerajaan Funan juga terkenal dengan kerajaan maritim yang menjalankan perdagangan di Pelabuhan Oc-Eo sebagai pelabuhan Entrepot.<sup>2</sup> Kedudukan yang strategik terletak di laluan perdagangan Teluk Siam dan terlindung daripada tiupan angin monsun.

Selain itu, Kerajaan Angkor juga merupakan sebuah lagi kerajaan awal yang terkenal dengan pengaruh Hindu-Buddha yang terletak di hilir Sungai Mekong. Persamaan Kerajaan Angkor dan Kerajaan Funan adalah sistem ekonomi yang berdasarkan pertanian iaitu padi sawah. Kerajaan Angkor terkenal dengan sistem pengairan yang baik mendapat sumber air daripada Tasik Tonle Sap dan Baray.<sup>3</sup> Sejak kerajaan awal lagi rantau Asia Tenggara terkenal dengan ekonomi pertanian dan kemajuan daripada hasil ekonomi pertanian telah berlaku lebihan hasil menyebabkan wujudnya Kerajaan Maritim. Aktiviti ekonomi yang dijalankan Kerajaan Maritim adalah menangkap ikan, memungut hasil hutan, kawasan emas dan timah dan lebihan hasil untuk perdagangan. Dalam kerajaan awal, wujudnya pelabuhan pembekal untuk menjual bahan logam emas dan timah, hasil hutan seperti kayu gharu, rotan dan damar, dan juga hasil laut. Kewujudan aktiviti ekonomi agraria dan maritim telah membuktikan perkembangan ekonomi di rantau Asia Tenggara.

Menelusuri sejarah kerajaan awal di Nusantara yang terletaknya Semenanjung

<sup>2</sup> Lihat G. M. Kahin, *Kerajaan dan Politik Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.

<sup>3</sup> Baray ialah kolam besar sebagai sumber air minum dan kemudahan sistem pertanian. Baray juga digunakan semasa musim kemarau untuk mengairi padi sawah. Sumber K. R. Hall, *A History of Early Southeast Asian, Maritime Trade and Societal Development, 100-1500*, United Kingdom : Rowman & Littlefield Publishers, ink, 2011.



Tanah Melayu dan Tanah Besar Kepulauan Indonesia telah membuktikan wujudnya hubungan tradisional kedua-dua negara. Kerajaan awal di Semenanjung Tanah Melayu yang terkenal adalah Kerajaan Kedah Tua, Langkasuka dan Gangga. Manakala Kerajaan awal Kepulauan Indonesia yang terkenal adalah Kerajaan Srivijaya pada abad ketujuh dan Majapahit pada abad keempat belas. Kerajaan Srivijaya yang berpusat di Pantai Timur Sumatera Selatan, merupakan kerajaan yang terkuat sekali di antara kerajaan ini. Di akhir abad yang ketujuh, ia menguasai kawasan di Semenanjung Tanah Melayu dan Jawa Barat serta juga di Sumatera. Dengan itu, ia berupaya untuk mengenakan cukai ke atas sebahagian dari perdagangan yang mengalir di antara China, India dan Dunia Arab menerusi dua buah Selat yang penting iaitu Selat Melaka dan Selat Sunda. Dalam lingkungan kepulauan pula, Srivijaya merupakan sebuah pusat perdagangan dan kapal-kapalnya belayar ke

India serta juga ke China. Ia adalah sebuah Kerajaan Buddha serta sebuah pusat pengajian Buddha yang terkemuka. Sebuah lagi pusat terkemuka kuasa politik dalam zaman ini ialah di Jawa Tengah, di mana kerajaan Hindu dan Buddha di abad kelapan dan kesembilan telah membina banyak candi dan tugu yang masih kekal ke hari ini.

Kerajaan Srivijaya berjaya menguasai kunci jalur perdagangan yang penting sebagai perekonomiannya yang meliputi Selat Sunda, Selat Melaka, Selat Bangka, Selat Karimata, Laut Jawa bahagian Barat dan menduduki Semenanjung Melayu untuk menguasai penghasilan lada dan timah.<sup>4</sup> Menurut catatan Arab, Kerajaan Srivijaya terkenal sebagai pengeluar cengkeh, pala, lada, pinang, kayu gaharu, kayu cendana, kapur barus, timah emas, perak, dan rempah-rempah. Selain tanaman,

<sup>4</sup> Lihat P. M. Munoz, *Kerajaan-Kerajaan Awal Kepulauan Indonesia dan Semenanjung Malaysia*, Yogyakarta: Mitra abadi, 2009.





Kerajaan Srivijaya turut menghasilkan batu-batuan granit, pasir kuarsa dan tanah liat sebagai bahan untuk membuat seramik. Barang ini dijual atau barter dengan kain, sutera dan porselen dengan pedagang China, India dan Arab. Selepas jatuhnya Kerajaan Srivijaya munculnya kerajaan Majapahit yang menguasai keseluruhan Nusantara.

Kerajaan Majapahit wujud pada abad yang keempat belas. Ia bertapak di Jawa Timur dan sebahagian besarnya ia merupakan sebuah negeri pedalaman. Kerajaan Majapahit mempunyai kekuatan angkatan laut dan tentera yang besar. Di puncak kegemilangan jelas dapat dilihat bahawa kuasanya meliputi Jawa, Bali dan Madura dan mungkin juga di Sumatera, Kalimantan (Borneo), Sulawesi (Celebes) dan Kepulauan Maluku. Kerajaan Majapahit merupakan kerajaan agraria iaitu kerajaan

Perekonomian Majapahit pada abad ke-13 tertumpu kepada ekonomi dualism iaitu sektor pertanian dan perdagangan. Menurut catatan Wang Ta-Yuan iaitu seorang pedagang Tiongkok (Cina) dalam bukunya Tao-I Chin-Lueh dicatakan bahawa she-po (Jawa) sangat padat penduduknya, tanahnya subur dan ekonomi tertumpu kepada penanaman padi, jagung, lada, garam dan kain merupakan barang eksport manakala barang yang diimport adalah mutiara, emas, perak, sutera, barang seramik dan barang besi.<sup>5</sup> Mata wang yang digunakan dibuat daripada campuran perak, timah putih, timah hitam dan tembaga. Kerajaan Majapahit juga mengimport barang jenis rempah-ratus, ubat-ubatan, kain India, daging dan ikan, yang diawet untuk dibawa ke kawasan pedalaman.

---

<sup>5</sup> *Ibid*, hlm. 89.





Kejatuhan Kerajaan Majapahit bermula beransur-ansur ketika Perang Saudara (Perang Paregreg) pada tahun 1405 hingga 1406 masihi, antara Wirabhumi melawan Wikinmawardhana. Kemunduran Kerajaan Majapahit terjadi pada akhir abad ke-14 dan awal abad ke-15. Pengaruh Majapahit di seluruh Nusantara mulai berkurang. Pada saat itu, Kerajaan Islam mula berdiri iaitu Kesultanan Melayu Melaka. Kejatuhan terakhir kerajaan Majapahit di awal abad yang keenam belas adalah berkait rapat dengan kemunculan Islam. Pada mulanya, Islam berjaya berkembang di beberapa buah pelabuhan perdagangan di Sumatera Utara dan di Melaka iaitu Semenanjung Tanah Melayu, dan akhir abad kelima belas dan abad yang keenam belas pengaruhnya mula berkembang dengan pesatnya ke arah Timur. Menjelang akhir tahun 1530-an, setengah pemerintah hingga Kepulauan Maluku memeluk agama Islam, dan Kerajaan Hindu Majapahit di Jawa Timur jatuh ke tangan gabungan negeri-negeri perdagangan Islam di pantai Utara Jawa.



Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, Semenanjung Tanah Melayu telah mengadakan hubungan ekonomi dengan wilayah kepulauan di Indonesia. Melaka adalah sebuah pelabuhan yang sangat berjaya kerana dapat menguasai Selat Melaka dan menjadi laluan perdagangan utama antarabangsa dari China dan Maluku di Timur sampai Afrika Timur dan Laut Tengah di Barat.<sup>6</sup> Aspek yang menarik hubungan Melaka dan sejarah Indonesia ialah jaringan perdagangan yang sangat luas yang membentang sampai ke pulau-pulau di Indonesia. Di era kegemilangan Melaka, hubungan perdagangan adalah sangat luas yang telah menghubungkan Melaka dengan Pantai Timur Sumatera, Sunda (Jawa Barat), Jawa Tengah dan Jawa Timur, dan

<sup>6</sup> M. C. Ricklefs, *Sejarah Indonesia Modern 1200-2008*, Jakarta: PT. Ikrar Mandiriabadi, 2008.



Sulawesi Selatan. Antara barang dagangan utama Melaka dengan Wilayah Indonesia adalah emas, kapur barus, lada, sutera, besi, kapas, rotan, beras, tekstil India, asam jawa dan barang-barang dari China. Walaupun Melaka bukanlah pusat pengeluaran pertanian utama, namun sebagai pelabuhan utama pelbagai barang boleh diperoleh di Melaka. Kerajaan Melaka juga sudah menjalankan hubungan diplomatik secara traditional diplomatik dengan negara-negara luar bagi mengelak ancaman keselamatan. Ancaman utama bagi Melaka sejak awal adalah Siam tetapi Melaka sudah meminta untuk mendapatkan perlindungan daripada China sejak tahun 1405.

Selain itu, penyebaran Islam dan kepentingan ekonomi masing-masing juga menjadi benang merah penghubung antara Semenanjung Tanah Melayu dengan kepulauan Nusantara pada era pra-kolonial. Di Melaka, Sistem perdagangan Indonesia ini dihubungkaitkan dengan jalur-jalur yang membentang ke barat sampai India, Persia, Arabia, Suriah, Afrika Timur dan Laut Tengah, ke Utara sampai Siam dan Pegu serta ke Timur sampai China dan mungkin Jepun.

Perkembangan sistem ekonomi awal di Asia Tenggara membuktikan bahawa hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia bermula sejak Kerajaan Awal Nusantara berdasarkan ekonomi agraria dan maritim. Semenanjung Tanah Melayu dan negara Kepulauan Indonesia pernah berada dalam satu kerajaan yang sama ketika era Srivijaya, Majapahit dan Melaka dengan menjalankan ekonomi traditional. Namun begitu, perkembangan dan perubahan sistem ekonomi mula berlaku kepada kedua-dua wilayah ini ketika kehadiran penjajah Barat. Sistem ekonomi mula dirombak bagi mengaut keuntungan penjajah dengan memperkenalkan ekonomi berdasarkan



komersial yang merugikan masyarakat setempat.<sup>7</sup> Perkembangan dan perubahan era kolonial dalam sistem ekonomi telah dibawa sehingga pasca kemerdekaan di mana telah menimbulkan masalah hubungan ekonomi dan juga politik di awal hubungan Malaysia dan Indonesia.

Hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia sentiasa mempunyai hubungan pasang surut bergantung kepada hubungan politik kedua-dua negara. Suatu kajian yang menyeluruh berkaitan dengan dasar ekonomi Malaysia memberi impak terhadap hubungan dengan Indonesia perlu dianalisis secara mendalam. Hubungan moden begitu mempengaruhi hubungan Malaysia dan Indonesia bagi melihat perkembangan dan perubahan dari tahun 1957 sehingga tahun 2003. Hubungan ekonomi kedua-dua negara akan dianalisis berdasarkan isu perkembangan antarabangsa, personaliti kepimpinan, masalah dalaman dan luaran, dan penyelesaian jangka pendek dan panjang dalam hubungan ekonomi kedua-dua negara mengikut era Perdana Menteri Malaysia pertama sehingga keempat dalam hubungan kerjasama ekonomi dengan Indonesia.

### 1.3 Kajian Terdahulu

Berdasarkan kajian terdahulu, terdapat sarjana yang mengkaji berkenaan dengan hubungan Malaysia-Indonesia dari pelbagai aspek. Secara ringkasnya, ia menyentuh tiga tema utama iaitu hubungan ekonomi sebelum penjajahan merangkumi bentuk hubungan traditional kerajaan awal di Asia Tenggara. Kedua, era penjajahan iaitu

<sup>7</sup> Perbincangan berkenaan sistem ekonomi era kolonial dibincangkan secara menyeluruh di dalam bab dua.





kedatangan kuasa barat dan ketiga, era selepas kemerdekaan hubungan Malaysia dan Indonesia. Dalam ketiga-tiga tema ini, pengkaji menganalisis secara mendalam kajian yang sebelum ini membincangkan pelbagai persoalan mempunyai perkaitan hubungan Malaysia dan Indonesia.

Terdapat beberapa sarjana yang mengkaji hubungan awal ekonomi di rantau Asia Tenggara seperti Kenneth R. Hall, C.D. Cowan, J. C. Van Leur dan beberapa lagi sarjana dalam pengajian sejarah Asia Tenggara. Buku “*A History of Early Southeast Asia: Maritime Trade and Societal Development, 100-1500*” oleh Kenneth R. Hall adalah buku yang menonjolkan bagaimana kepercayaan agama dan budaya traditional masyarakat awal di Asia Tenggara memainkan peranan penting dalam membentuk sistem politik dan ekonomi di Asia Tenggara. Kenneth mengkaji bab berdasarkan kronologi dalam membincangkan berkaitan hubungan kerajaan awal China dan India telah mempengaruhi politik dan kepercayaan masyarakat setempat. Perbincangan dan ulasan mendasari kerajaan awal Asia Tenggara iaitu kerajaan Funan, Angkor, Champa sehingga ke Kerajaan Srivijaya, Majapahit dan Melaka. Penulis turut memaparkan hubungan awal China dan India bertapak dalam negara Indochina dan juga Kepulauan Nusantara. Selain itu, buku ini juga turut memperihalkan beberapa kerajaan awal Islam yang bertapak di Asia Tenggara melalui kedatangan pedagang Arab. Secara umumnya, artikel Kenneth R. Hall cuba memperlihatkan bahawa sistem perdagangan dan ekonomi dalam tamadun awal Asia Tenggara banyak dipengaruhi kepercayaan traditional dan agama terutama dalam kepercayaan Hindu Buddha. Selain itu, penerapan nilai kepercayaan dan agama telah diterapkan dalam corak politik pemerintahan. Pengaruh perdagangan dari pada ketamadunan China dan India telah mempengaruhi politik masyarakat setempat. Kajian buku ini juga, banyak



membincangkan perubahan yang berlaku dalam sistem pemerintahan kerajaan awal Nusantara seperti Srivijaya dan Majapahit sehingga kebangkitan kerajaan Islam dalam sistem masyarakat yang mempengaruhi ekonomi pertanian dan perdagangan. Namun demikian, buku ini tidak menghuraikan secara mendalam hubungan ekonomi kerajaan awal Nusantara dalam aktiviti perdagangan kerana lebih menumpukan kepada aktiviti ekonomi masyarakat setempat serta perubahan pengaruh politik setempat.

Berbeza dengan buku yang bertajuk *Runtuhnya Kerajaan Hindu-Jawa dan Timbulnya Negara-Negara Islam di Nusantara* oleh Slamet Muljana.<sup>8</sup> Buku ini menghuraikan kajian sejarah berdasarkan kronologi bagaimana kedatangan dan peranan Islam di Nusantara dengan menjadikan era Majapahit sebagai awal tahun kajian sehingga terbina beberapa kerajaan Islam di Nusantara. Buku ini menggunakan sumber manuskrip sejarah yang membawa berita tentang sejarah awal kerajaan Islam di Nusantara. Buku ini menjelaskan pandangan daripada berita sumber China, India, Arab dan Eropah untuk memperihalkan kerajaan Islam di Nusantara. Selain itu, buku ini juga menerangkan beberapa sejarah mengenai pengaruh agama Islam dalam politik, sosial dan agama di Nusantara dengan memperihalkan sejarah kerajaan Islam di Nusantara seperti Kerajaan Melaka dan Kerajaan Demak. Pada masa yang sama, buku ini juga turut membincangkan hubungan kerajaan Nusantara dan kerajaan luar dan selain membincangkan kronologi kegemilangan dan kejatuhan kerajaan Islam Nusantara selepas kuasa barat menjajah Nusantara. Kajian juga turut membincangkan sistem ekonomi yang dilaksanakan ketika era pemerintahan kerajaan Islam di Asia tenggara namun perbincangan lebih bersifat umum. Di sebabkan buku ini lebih

<sup>8</sup> Slamet Muljana, *Runtuhnya Kerajaan Hindu-Jawa dan Timbulnya Negara-Negara Islam di Nusantara*. Indonesia: Lkis Yogyakarta, 2005.



membincangkan struktur politik kerajaan Islam maka hubungan ekonomi antara kerajaan Islam kurang dibincangkan lebih tertumpu sistem politik.

Kesinambungan daripada kajian sebelum ini iaitu '*A History of Early Southeast Asia: Maritime Trade and Societal Development, 100-1500*,' Kenneth R. Hall turut menulis kajian bertajuk '*Small Asian Nations in the shadow of the largest Early Asian History through the eyes of Southeast Asian*'.<sup>9</sup> Kajian ini memperihalkan ketamadunan utama China, India dan Jepun kepada perkembangan negara-negara kecil Asia Tenggara. Kajian telah membuktikan sejarah China dan India yang telah mempengaruhi ketamadunan kepada negara Asia Tenggara secara kronologi. Selain itu, kajian turut memperihalkan kehadiran kuasa Eropah menguasai kekayaan Asia Tenggara pada abad ke-15 oleh kuasa Portugal, Sepanyol dan Belanda. Kajian ini turut membincangkan peranan China berinteraksi dalam menjalankan perdagangan dengan negara Asia Tenggara sejak Dinasti Han. Pelabuhan Kerajaan Funan antara kerajaan terawal Asia Tenggara menjadi persinggahan perdagangan China dan India. Pasca Kerajaan Funan, orang-orang china menjalankan hubungan dengan Kerajaan Srivijaya. Selepas kejatuhan kerajaan Srivijaya pada tahun 1025 oleh Dinasti Cola di Selatan India. Kenneth R. Hall turut menyentuh kedatangan Islam melalui perdagang Arab ke Asia Tenggara. Selain itu, kajian turut menyentuh zaman kegemilangan kerajaan Melaka yang merupakan perdagangan utama Arab sejak abad ke 15 dan 16, dan kemudian kedatangan kuasa Eropah pada abad ke-16 dan 17. Secara umumnya, artikel ini cuba menerangkan pengaruh sosial dan kepercayaan telah mempengaruhi kekuasaan Kerajaan Awal Asia Tenggara yang membawa

<sup>9</sup> K. R. Hall, *Small Asian Nations in the Shadow of the Largest Early Asian History through the eyes of Southeast Asian*, *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, Brill, 27(1), 1984, 56-88.





perubahan corak perdagangan dan politik melalui pandangan ketamadunan China dan India. Namun begitu, penekanan terhadap hubungan ekonomi kerajaan awal Asia Tenggara sehingga kedatangan kuasa Eropah tidak begitu ditekankan kerana lebih tertumpu kepada pengaruh sistem politik dan sosial terhadap masyarakat Asia Tenggara.

Artikel seterusnya fokus kepada hubungan ekonomi Asia Tenggara yang bertajuk '*Current Trends in the Economic History of Southeast Asian*' oleh J. Thomas Lindblad.<sup>10</sup> Kajian ini membincangkan keadaan dan suasana yang berlaku sejarah ekonomi Asia Tenggara. Kajian menganalisis corak ekonomi dengan memperihalkan tiga isu utama iaitu pertama, perkaitan hubungan ekonomi yang lalu dengan susunan ekonomi Asia Tenggara yang baharu. Kedua, penekanan terhadap histogram fokus kepada metodologi dan pandangan bahan terhadap sejarah ekonomi Asia Tenggara dan ketiga, pandangan menangani interpretasi terhadap ekonomi kebangkitan Asia Tenggara. Selain itu, kajian ini turut membincangkan era pra-kolonial kepada hubungan perdagangan terutama hubungan pertanian di mana getah di Malaya, gula di Java dan Beras di Filipina. Dapatkan kajian artikel ini mendapati bahawa sistem ekonomi dan politik berubah corak kerana kuasa yang menguasai setiap wilayah akan mendominasi corak pentadbiran dan ekonomi. Namun demikian, kajian berkaitan ekonomi pra-kolonial lebih tertumpu kepada sesebuah negara tanpa membincangkan hubungan ekonomi antara negara Asia Tenggara yang lain.

<sup>10</sup> J. T. Lindblad, *Current Trends in the Economic History of Southeast Asian*, *Journal of Southeast Asian Studies*, Cambridge University Press on behalf of Department of History, National University of Singapore, 26(1), 2005, 159-168.





Seterusnya, kajian ‘*Continuity and Change in the International History at Maritime South East Asia*’ ditulis oleh C. D. Cowan (1968).<sup>11</sup> Kajian ini memperihalkan kronologi perdagangan Nusantara fokus kepada Malaya dan Indonesia. Kajian bermula dari era Srivijaya yang merupakan kepentingan perdagangan maritim ketika era Srivijaya menguasai Selat Melaka. Selain itu, kajian turut membincangkan kepentingan penanaman padi kepada masyarakat Java. Kedatangan Dinasti Ming 1368 berdagang ke Jambi dan Palembang menjadi sebagai pelabuhan penting. ‘*The Intervention of the colonial powers complicated but did not basically change this pattern*’ walaupun kedatangan kuasa kolonial dalam Wilayah Nusantara namun ia tidak merubah sistem ekonomi secara keseluruhannya. Pengkaji cuba menyusun sistem ekonomi Nusantara secara kronologi iaitu abad ke-8 dan ke-10 berasaskan maritim dan perdagangan kekuatan pertanian Java tidak banyak persaingan luar. Abad ke-10 hingga ke-15, peningkatan kuasa dan aktiviti di negara Java dikuasai oleh Majapahit menggantikan kerajaan Srivijaya. Pada abad ke-15 hingga ke-17, kebangkitan Melaka dan Java manakala lewat abad ke-17 hingga awal ke-18 pengaruh Hindi-Belanda yang mempunyai kuasa maritim dan perdagangan dan lewat abad ke-18- sehingga tahun 1875, kebangkitan sistem Selat yang baharu berasaskan perjanjian Selat menguasai laluan Nusantara dengan Belanda membangunkan Tanah Java. Secara umumnya, kajian ini tertumpu kepada aktiviti perdagangan di bawah penjajahan Belanda di Indonesia dan British di Tanah Melayu namun kajian ini tidak memperihalkan secara mendalam hubungan perdagangan Belanda dan British ketika era penjajahan.

<sup>11</sup> C. D. Cowan, *Continuity and Change in the International History of Maritime South East Asia*, *Journal of Southeast Asian History*, Cambridge University Press on behalf of Department of History, National University of Singapore, 9(1), 1968, 1-11.



Melalui tema pertama, kerajaan awal Asia Tenggara menjalankan sistem pemerintahan dan politik berasaskan kepercayaan traditional dan pengaruh Hindu dan Buddha dalam pemerintahan. Sistem ekonomi kerajaan awal juga adalah berasaskan kerajaan agraria dan maritim iaitu hasil pertanian yang dijalankan melalui pengairan sungai dan kawasan tadahan air yang membentuk sebuah kerajaan awal. Selain itu, hasil penulisan karya awal tamadun China dan India telah memberi gambaran bahawa pengaruh pedagang dan imigrasi masyarakat tanah besar China dan India telah mempengaruhi sosial masyarakat awal Asia Tenggara melalui penemuan hasil arkeologi tamadun China dan India. Secara umumnya, kehadiran perdagangan China dan India telah mempengaruhi dan membawa kepercayaan Hindu Buddha dalam perkembangan politik, ekonomi dan sosial masyarakat kerajaan awal Asia Tenggara.



Malaysia dan Indonesia. Terdapat beberapa kajian telah dilakukan antaranya Buku “A History of Modern Indonesia Since C. 1200” oleh M. C. Ricklefs merupakan naskhah rujukan buku yang memperihalkan sejarah Indonesia sejak abad 1200 masih sehingga pasca kemerdekaan Indonesia.<sup>12</sup> Buku ini membincangkan berdasarkan kronologi tema yang membantu memahami sejarah Indonesia secara lebih terperinci. Antara tema utama adalah era Kerajaan Majapahit sehingga kedatangan Islam dan terbentuknya Kerajaan Islam di Nusantara. Kedua, tema berkaitan kuasa Eropah menguasai dan menjajah Indonesia dan ketiga, era kemerdekaan negara Indonesia sehingga kejatuhan kerajaan Suharto 1998 yang dibincangkan secara deskriptif. Namun begitu, terdapat juga perihal ekonomi yang dibincangkan secara umum

<sup>12</sup> M. C. Ricklefs, *A History of Modern Indonesia Since C. 1200*. New York: Fourth edition, PALGRAVE MACMILLAN, 2008.

terutama ketika era kedatangan Eropah iaitu VOC yang cuba menguasai dan memonopoli ekonomi dengan kerajaan-kerajaan Nusantara yang ada di Indonesia. Buku ini juga turut menyentuh politik yang berlaku di Indonesia ketika pasca kemerdekaan dengan membincangkan pengaruh komunis ketika era Sukarno dan perubahan orde baharu oleh Suharto sehingga kejatuhan Suharto pada 1998. Selain itu, M.C. Ricklefs turut membincangkan transisi kejatuhan orde baharu dalam mengatasi memulihkan sistem politik dan krisis ekonomi 1998. Buku ini juga turut membincangkan cabaran yang dihadapi Indonesia pasca krisis ekonomi 1998 yang menghadapi ancaman baru dalam persekitaran antarabangsa dan politik dunia terutama isu penganas militer (JI) dan pemulihan ekonomi Indonesia. Secara umumnya, buku ini menjadi buku rujukan sejarah Indonesia yang menekankan aspek budaya, sosial, politik dan ekonomi. Namun begitu, perbincangan aspek ekonomi lebih dibincangkan secara umum dan lebih menekankan aspek politik sebagai tema utama dalam perbincangan sejarah moden Indonesia.

Dalam kajian buku berkaitan sejarah ekonomi Malaysia, naskhah buku oleh John H. Drabble yang bertajuk “An Economic History of Malaysia, C. 1800-1990 : The Transition to Modern Economic Growth” sebuah kajian sejarah ekonomi Malaysia yang menjadikan tempoh era penjajahan British sehingga pasca kemerdekaan negara sebagai tahun kajian.<sup>13</sup> Buku ini telah membahagikan dua fasa utama iaitu ekonomi ketika era British di Semenanjung Malaysia dan Borneo sebagai kajian dan fasa kedua, ketika kemerdekaan Malaysia sehingga tahun 1990-an. Penulis memperihalkan aktiviti ekonomi dan komoditi utama ekonomi Malaysia sebagai kajian analisis dalam memberi gambaran aktiviti ekonomi di Malaysia. Buku ini juga

<sup>13</sup> J. H. Drabble, *An Economic History of Malaysia, C. 1800-1990: The Transition to Modern Economic Growth*. New York: PALGRAVE MACMILLAN, 2000.

turut menyentuh aspek makroekonomi dan mikroekonomi yang membincangkan dasar-dasar ekonomi, komoditi perdagangan negara dan tenaga kerja dalam menghuraikan perkembangan ekonomi negara. Bahan analisis berdasarkan jadual dan graf daripada laporan ekonomi sebagai sumber perbincangan dalam kajian ekonomi negara. Secara umumnya, buku ini merupakan buku teks dalam memahami sejarah ekonomi Malaysia sejak era penjajahan British hingga era tahun 1990-an. Namun begitu, buku ini kurang menjelaskan hubungan ekonomi antarabangsa sama ada dalam hubungan bilateral mahupun multilateral.

Selain itu, buku yang bertajuk “Indonesia’s Economy Since Independence” oleh Thee Kian Wie adalah sebuah buku yang menganalisis ekonomi Indonesia sejak mencapai kemerdekaan sehingga pasca krisis ekonomi 1997.<sup>14</sup> Buku ini menerangkan

seperti jadual dan graf dalam menerangkan analisis ekonomi Indonesia. Buku ini telah membahagikan empat fasa perbincangan tentang ekonomi Indonesia iaitu era awal kemerdekaan Indonesia 1950-an, era Suharto 1966-1998, era krisis ekonomi Asia 1997/1998 dan era pembangunan industri pasca krisis ekonomi 1997/1998. Buku ini menjadikan peristiwa dan isu-isu ekonomi semasa sebagai kes kajian analisis dalam menghuraikan situasi ekonomi Indonesia. Namun demikian, perbincangan ekonomi lebih dianalisis secara umum kerana memfokuskan banyak isu ekonomi menyebabkan huraian lebih bersifat umum. Namun begitu, kekuatan kajian buku ini adalah dengan mengaitkan ekonomi Indonesia dengan peranan pelaku dan bukan pelaku negara dalam ekonomi antarabangsa dalam setiap analisis isu ekonomi.

<sup>14</sup>Thee Kian Wie, *Indonesia’s Economy Since Independence*. Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), Singapore, 2012.

Terdapat juga artikel berkaitan ekonomi era British yang ditulis oleh P.J. Drake yang bertajuk '*The Economic Development of British Malaya to 1914: An Essay in Historiography with some Questions for Historians*'.<sup>15</sup> Kajian ini membincangkan keadaan ekonomi utama Malaya ketika itu yang berdasarkan kepada industri getah dan timah. P.J. Drake memilih mengaitkan keadaan ekonomi berdasarkan kronologi pembangunan ekonomi dan situasi yang berlaku ketika itu. Perubahan yang berlaku dibincangkan dari awal tahun 1914 sehingga perang dunia berlaku dari berdasarkan ekonomi primer kepada mengutamakan sektor industri selepas tahun 1945. Kajian ini memfokuskan bagaimana British yang menguasai ekonomi Malaya ketika itu dan menguruskan aktiviti perdagangan dan pembangunan ekonomi. Kajian P. J. Drake lebih melihat sistem yang cuba dilaksanakan British untuk menguasai kekayaan dan ekonomi Tanah Melayu. Perbincangan mengenai hubungan ekonomi luar tidak dibincangkan kerana penulis menumpukan perbincangan pembangunan ekonomi domestik.

Selain itu, terdapat juga kajian lain berkaitan ekonomi negara di era kolonial iaitu artikel yang bertajuk '*The Economic History of Malaya: A Bibliographic Essay*' oleh Wong Lin Ken.<sup>16</sup> Perbezaan kajian Wong berbanding P. J. Drake ialah dari segi fokus kajian yang lebih melihat aktiviti ekonomi yang dilakukan British di Malaya. Wong membincangkan bagaimana British menguasai ekonomi selepas perang dunia kedua dengan melaksanakan undang-undang dan peraturan pembinaan

<sup>15</sup> Drake, P. J. (1979). *The Economic Development of British Malaya to 1914 : An Essay in Historiography with some Questions for Historians*, *Journal of Southeast Asian Studies*, Cambridge University Press on behalf of Department of History, National University of Singapore, 10(2), 262-290.

<sup>16</sup> Wong Lin Ken, *The Economic History of Malaysia: A Bibliographic Essey*, *The Journal of Economic History*, Cambridge University Press on behalf of the Economic History Association, 25(2), 1965, 244-262.

ekonomi negara. Tujuannya adalah untuk menguasaikekayaan negara melalui beberapa perjanjian yang menguntungkan British. Selain itu, artikel ini juga turut membincangkan tentang ekonomi moden Malaysia selepas dan sebelum kemerdekaan dalam menghadapi masalah dan cabaran ekonomi negara. Namun demikian, penekanan terhadap hubungan ekonomi dengan negara luar tidak dibincangkan kerana fokus terhadap pembangunan ekonomi negara.

Jika artikel sebelum ini berkaitan dengan peranan British dalam ekonomi Tanah Melayu, artikel seterusnya adalah berkaitan dengan hubungan Belanda sebagai kuasa penjajah dalam ekonomi di Indonesia. Kajian bertajuk '*Prospects for Economic Development in Indonesia*' oleh Everett D. Hawkins mengkaji kelangsungan Indonesia berjuang atas semangat nationalism dalam ekonomi bukan berteraskan kolonial.<sup>17</sup> Terdapat tiga perkara utama yang dilakukan oleh Kerajaan Indonesia. Pertama, mempelbagaikan eksport termasuk pembuatan dan semi pembuatan produk berdasarkan sumber bahan mentah. Kedua, membangunkan industri berdasarkan produk yang tidak perlu diimport dan mengurangkan import beras luar. Ketiga, menggalakkan Indonesia berdagang dalam pasaran antarabangsa dalam sektor pembuatan dan perdagangan. Namun menjadi persoalan jurang ekonomi antara era Belanda dan kemerdekaan Indonesia yang mengikut sistem pasaran luar antarabangsa. Pengkaji cuba menimbulkan persoalan suasana ekonomi Indonesia dengan pilihan yang ada untuk membangunkan ekonomi Indonesia. Kajian ini menganalisis tujuh prospek ekonomi Indonesia dalam membangunkan ekonomi pasca kemerdekaan iaitu berdasarkan sumber fizikal, sumber manusia, sumber perusahaan, pengangkutan dan

<sup>17</sup> E. D. Hawkins, *Prospects for Economic Development in Indonesia*, *World Politics*, Cambridge University Press, 8(1), 1995, 91-111.



kuasa, kebarangkalian pasaran, budaya hidup dan masalah politik. Kajian memperihalkan peranan dimainkan oleh pemerintah dan aktiviti yang telah dilaksanakan pemerintah dalam membangunkan ekonomi. Kajian tertumpu dasar dan polisi pembangunan ekonomi tempatan dan kurang menyentuh hubungan ekonomi antarabangsa.

Selain itu, buku Perdagangan dan Masyarakat Indonesia oleh J. C. Van Leur telah memperihalkan perdagangan awal di Asia sehingga sejarah Hindi-Belanda dalam penglibatan ekonomi masyarakat di Indonesia. Buku ini menjelaskan secara mendalam bagaimana kuasa Eropah memasuki negara Asia Tenggara terutama wilayah Indonesia pada awal abad ke-15. Susunan buku ini memperihalkan secara kronologi perdagangan awal di Indonesia sehingga kehadiran kuasa Eropah yang

membentuk VOC sehingga Belanda menguasai ekonomi dan perdagangan di Indonesia. Buku ini juga turut menerangkan beberapa perkaitan teori ekonomi dan pandangan sarjana mengenai perdagangan dan masyarakat Indonesia. Selain itu, J. C. Van Leur juga turut membincangkan perdagangan dunia Asia Tenggara dari tahun 1500 sehingga 1600 berkaitan dengan teknologi perdagangan, produk perdagangan timur dan sistem birokrasi Belanda dan Asia. Secara umumnya, buku ini cuba mengaitkan sistem masyarakat dengan perdagangan yang telah membawa kepada kepercayaan traditional masyarakat setempat dan pengaruh agama Hindu Buddha mahupun Islam yang dibawa oleh pedagang China, India dan Arab ke dunia Nusantara. Disebabkan pengkaji tertumpu kepada perdagangan dan masyarakat Indonesia maka hubungan ekonomi Indonesia luar era zaman Belanda tidak dibincangkan secara mendalam lebih bersifat umum.



Kajian berkaitan perdagangan dan ekonomi di era moden yang dibawa oleh Eropah masih lagi dipengaruhi oleh pemahaman budaya dan agama oleh pedagang-pedagang luar. Sistem ekonomi yang dibawa Eropah untuk menguasai rempah-ratus dan kekayaan sumber hasil negara juga turut membawa kepada penyebaran agama Kristian kepada masyarakat tempatan. Secara umumnya, masyarakat tempatan terutama di Nusantara banyak dipengaruhi unsur-unsur agama dan budaya dalam pemerintahan politik dan sosial. Ini menyebabkan berlakunya perubahan sistem politik dan pemerintahan setempat yang membawa kepada perubahan sistem ekonomi dan perdagangan.

Dalam kajian terdahulu era hubungan pasca kemerdekaan Malaysia dan Indonesia, Pengkaji telah memilih kajian yang melibatkan hubungan Malaysia dan

Indonesia dalam aspek politik, ekonomi, keselamatan mahupun sosio-masyarakat.  
Buku yang bertajuk “Indonesia-Malaysia Political Relations 1961-1976” oleh Mohd. Noor Mat Yazid merupakan sebuah kajian yang memfokuskan faktor ideologi sebagai faktor utama dalam memainkan peranan dalam hubungan awal Malaysia dan Indonesia.<sup>18</sup> Buku ini melihat perbezaan ideologi Sukarno yang lebih bekerjasama dengan negara komunis dan Tunku Abdul Rahman yang pro-Barat telah menyumbang kepada hubungan yang keruh kedua-dua negara. Buku ini memperihalkan isu-isu politik dalam dan luar negara yang melibatkan hubungan Malaysia dan Indonesia sebagai kes kajian untuk membuktikan faktor ideologi sebagai penyebab konflik dan konfrontasi hubungan Malaysia dan Indonesia. Isu Irian Barat dan konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dianalisis secara mendalam berdasarkan sudut pandang ideologi yang mempengaruhi dasar yang diambil dalam hubungan Malaysia dan

<sup>18</sup> Mohd. Noor Mat Yazid, *Indonesia-Malaysia Political Relations 1961-1976*. Germany: LAP LAMBERT Academic Publishing, 2014.

Indonesia. Walaupun kajian ini banyak menjelaskan hubungan Malaysia dan Indonesia dalam isu konfrontasi namun terdapat beberapa isu yang tidak dijelaskan secara mendalam terutama berkaitan konfrontasi ekonomi yang dikenakan oleh pihak Indonesia terhadap perdagangan dan ekonomi Malaysia.

Namun begitu, berbeza dengan kajian “*Special Relationship in the Malay world : Indonesia and Malaysia*” sebuah buku yang ditulis oleh Ho Ying Chan.<sup>19</sup> Buku ini menganalisis hubungan Malaysia dan Indonesia dari perspektif hubungan antarabangsa yang menekankan kelangsungan dan kepentingan kedua-dua negara menjadi alat dalam menjalankan hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia. Kajian memfokuskan aspek keselamatan dan politik sebagai teras kerjasama hubungan Malaysia dan Indonesia dalam mengukuhkan hubungan dua hala. Penulis turut menjadikan rentetan isu dalam hubungan Malaysia dan Indonesia sebagai kajian kes dalam memperihalkan hubungan kedua-dua negara. Buku ini banyak membincangkan hubungan Malaysia dan Indonesia daripada sudut keselamatan dalam dimensi persekitaran antarabangsa. Perbincangan mengenai konsep ‘serumpun’ yang melibatkan isu-isu yang dihadapi kedua-dua negara telah menjadi analisis pengkaji yang cuba membincangkan konsep “serumpun” dalam hubungan Malaysia dan Indonesia. Namun begitu, buku “*Special Relationship in the Malay world: Indonesia and Malaysia*” yang memfokuskan aspek keselamatan hubungan Malaysia dan Indonesia menyebabkan isu berkaitan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia tidak begitu dibincangkan jika ada hanya membincangkan tentang isu tenaga kerja.

---

<sup>19</sup> Ho Ying Chan, *Special Relationship in the Malay World: Indonesia and Malaysia*. Singapore: The ISEAS Yusof Ishak Institute Publishing, 2018.

Selain itu, buku yang bertajuk “*Indonesia-Malaysia Relations: Cultural Heritage, Politics and Labour Migration*” oleh Marshall Clark dan Juliet Pietsch.<sup>20</sup> Sebuah buku yang menyusun pelbagai tema dalam membincangkan hubungan Malaysia dan Indonesia. Buku ini memperihalkan isu-isu hubungan Malaysia dan Indonesia dari semua politik, budaya, ekonomi, sosial, keselamatan dan regional dalam membincangkan situasi hubungan kedua-dua negara. Buku ini lebih membincangkan hubungan masyarakat Malaysia dan Indonesia dalam menjelaskan hubungan yang berlaku dan persepsi antara kedua-dua negara dalam sesuatu isu. Namun demikian, buku ini juga turut menyentuh hubungan Malaysia dan Indonesia dalam hubungan diplomatik dan juga regional. Dalam aspek ekonomi, buku ini telah menyentuh isu tenaga kerja secara umum yang melibatkan Malaysia dan Indonesia. Namun begitu, masih kurang membincangkan kerjasama ekonomi Malaysia dan

Indonesia dan lebih memfokuskan isu keselamatan dan politik hubungan kedua-dua negara.

Selain itu, artikel kerjasama dan konflik dalam hubungan Malaysia-Indonesia oleh Ruhanas Harun turut memperihalkan hubungan kerjasama luaran dan dalaman. Artikel ini membincangkan beberapa rentetan konflik di antara dua negara ini bermula daripada isu semasa konfrontasi sehingga pasca konfrontasi seperti isu Tenaga Kerja Indonesia, tuntutan wilayah dan isu keselamatan.<sup>21</sup> Dalam artikel ini juga turut membincangkan hal-hal berkaitan kerjasama sosial dan kebudayaan antara dua negara. Selain itu, artikel ini juga turut memperihalkan hubungan Malaysia dan Indonesia ketika era Tun Mahathir daripada aspek dasar luar kedua-dua negara.

<sup>20</sup> C. Marshall, & P. Juliet, *Indonesia-Malaysia Relations: Cultural Heritage, Politics and Labour Migration*. United Kingdom: Routledge, Abingdon, 2014.

<sup>21</sup> Ruhanas Harun, *Kerjasama dan Konflik dalam Hubungan Malaysia-Indonesia*, University Malaya Press. 2005.



Namun begitu, artikel ini tidak membincangkan secara terperinci daripada aspek hubungan kerjasama ekonomi terutama dalam sektor pertanian yang merupakan sektor yang terbesar di Asia Tenggara.

Jika Ruhanas Harun membincangkan hubungan kerjasama luaran dan dalaman Malaysia dan Indonesia, berbeza dengan artikel yang bertajuk Pengurusan Krisis dan Pengantar Antarabangsa Negara: Konfrontasi Indonesia dan Diplomasi Malaysia, 1963 oleh Mohamad Abu Bakar kajian yang memperihalkan kronologi hubungan Malaysia dan Indonesia ketika era konfrontasi. Pengkaji telah memfokuskan rentetan peristiwa penting hubungan Malaysia-Indonesia sehingga tercetus konfrontasi akibat penubuhan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 yang menimbulkan ketegangan kedua-dua negara. Akibat daripada peristiwa ini pelbagai usaha oleh kedua-dua negara untuk memulihkan semula hubungan dua negara berjiran ini, namun selepas kejatuhan rejim Sukarno pada akhir tahun 1965. Ini telah berjaya menamatkan peristiwa konfrontasi pada tahun berikutnya. Dalam artikel ini, kajian hanya berpaksikan kepada peristiwa konfrontasi Malaysia-Indonesia tidak memperihalkan hubungan kerjasama lain yang wujud ketika itu dari segi ekonomi dan politik.<sup>22</sup>

Artikel Malaysia-Indonesia: Pengalaman hubungan dua negara serumpun oleh Rohani & Zulhilmi Paidi membincangkan geo-politik kedua-dua negara ini berdasarkan faktor sejarah daripada kepulauan negara Melayu sehingga ke era

<sup>22</sup> Mohamad Abu Bakar, *Pengurusan Krisis dan Pengantarabangsaan Negara: Konfrontasi Indonesia dan Diplomasi Malaysia, 1963*. Yogyakarta Indonesia: Seminar Internasional Indonesia-Malaysia. 2008.



peristiwa konfrontasi dan pasca konfrontasi. Perbincangan menjurus kepada peranan dasar kedua-dua negara dalam menjaga kelangsungan negara dan kepentingan negara yang diambil oleh kedua-dua pemimpin. Tindakan dan respon dasar dalam sesuatu isu dalam hubungan Malaysia dan Indonesia diperdebatkan untuk melihat kronologi hubungan kedua-dua negara. Namun demikian, hubungan kedua-dua negara dalam aspek ekonomi tidak dibincangkan secara terperinci. Artikel ini lebih membincangkan aspek politik dan keselamatan kedua-dua negara.

Rekonsiliasi hubungan Malaysia-Indonesia dalam konteks regionalism Asia Tenggara oleh Mohamad Rodzi, Abd Ghapa, Zubaidah dan Azharudin. Kajian ini menumpukan rekonsiliasi dalam hubungan Malaysia-Indonesia sebagai satu strategi penyelesaian konflik antara negara. Rekonsiliasi adalah bahagian penting diplomasi *track-two* yang memberi fokus kepada ‘*people to people relation*’ dalam menyelesaikan konflik yang berlaku. Pendekatan ini dilihat berorientasikan diplomasi yang bersifat ‘*bottom-up*’ bagi menampung kelemahan pendekatan yang sebelum ini iaitu ‘*top-down*’ yang dilihat gagal dalam menyelesaikan konflik Malaysia dan Indonesia.<sup>23</sup> Kajian ini juga menjadikan isu-isu konflik yang berlaku antara kedua-dua negara sebagai contoh kegagalan diplomasi sebelum ini. Selain itu, artikel ini juga turut menyentuh kerjasama politik dan ekonomi kedua-dua negara. Namun demikian, perbincangan kerjasama ekonomi kedua-dua negara lebih bersifat umum tidak memfokuskan secara mendalam kerjasama dan perjanjian dalam ekonomi yang dijalankan oleh kedua-dua negara.

<sup>23</sup> Mohamad Radzi, Abd Ghapa, Zubaidah & Azharudin, Rekonsiliasi Hubungan Malaysia-Indonesia Dalam Konteks Regionalism Asia Tenggara. *Malaysia Journal of History, Politics & Strategy UKM*, 40(1), 2013, 177-197.

*The Politics of Indonesia-Malaysia Relations one kin, two nations* oleh Joseph Chinyong Liow telah menghuraikan secara mendalam sejarah hubungan kedua-dua negara di zaman penjajahan sehingga tercapainya kemerdekaan. Pengkaji telah melihat daripada aspek geo-politik dan juga rentetan peristiwa penjajahan Belanda di Indonesia dan British di Malaya sebagai permulaan hubungan kedua-dua Negara.<sup>24</sup> Dalam tema seterusnya pengkaji telah menerangkan kronologi hubungan diplomatik bermula era Tunku Abdul Rahman sehingga ke era pemerintahan Tun Mahathir Mohamad. Sudah semestinya di awal hubungan diplomatik aspek keselamatan dan politik menjadi isu utama untuk mewujudkan keyakinan kerjasama kedua-dua negara. Dalam buku ini kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara ini hanya dibincangkan secara umum, terutama isu-isu berkaitan tenaga kerja dan tidak memperinci hubungan bilateral kedua-dua negara dan hanya fokus kerjasama ekonomi serantau.

Seterusnya artikel berkaitan hubungan Malaysia dan Indonesia yang menganalisis kajian berdasarkan perspektif realisme dan realisme neo-klasik. Artikel Nasionalisme dan Politik Kuasa dalam Hubungan Luar Indonesia dengan Malaysia: Kajian Kes ke atas Pertikaian Ambalan oleh Lai Yew & Yuddy Chrisnandi adalah kajian yang menganalisis ‘*Nasionalisme*’ sejauhmana mampu mempengaruhi persepsi dan tingkah laku pentadbiran Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) terhadap Malaysia. Pengkaji telah menggunakan pendekatan realisme neo-klasik untuk melihat dua pembolehubah iaitu domestik (nasionalisme tempatan) dan external iaitu (pembolehubah luaran) seperti hubungan diplomatik, persekitaran antarabangsa, ASEAN dan saling-kebergantungan dengan Malaysia sebagai rangka teori untuk

<sup>24</sup> Joseph Chin, *The Politics of Indonesia-Malaysia Relations: One Kin, Two Nation*, New York: Routledge Madison Ave, 2005.



melihat tingkah laku dalam membuat dasar luar. Pertikaian wilayah Ambalat telah menimbulkan beberapa konflik kedua-dua negara yang memerlukan SBY menentukan dasar luar yang sesuai dalam isu berkenaan. Walaupun terdapat tekanan daripada nasionalisme tempatan namun tekanan luar yang lebih tinggi dapat mengelak pengaruh domestik.<sup>25</sup> Secara umumnya, kebangkitan semula semangat nasionalisme telah menyulitkan keupayaan pihak pemerintahan Indonesia menangani pelbagai isu bilateral dengan Malaysia. Namun demikian, pemboleh ubah luaran iaitu golongan elit kerajaan telah menjadi penentu utama sebagai agen pembuat dasar luar yang utama.

#### Berbeza dengan artikel Ketegangan Hubungan Indonesia-Malaysia Dalam Isu

Tarian Pendet yang telah menganalisis ketegangan berdasarkan perspektif realisme dalam kajian hubungan antarabangsa. Kajian Ali Maksum & Reevany Bustami telah memperihalkan hujahan berdasarkan tiga bahagian iaitu pertama, analisis senario pertikaian tarian pendet. Kedua, faktor-faktor yang mempengaruhi isu tersebut dan ketiga, kesan terhadap hubungan Indonesia dan Malaysia. Rentetan peristiwa isu tarian pendet telah menyebabkan timbul reaksi ‘Ganyang Malaysia’ oleh sesetengah masyarakat Indonesia yang tidak berpuas hati. Menurut pengkaji senario ini berlaku berkemungkinan disebabkan persaingan politik dalam pasca pilih raya presiden 2009 di Indonesia. Namun demikian, hubungan kerajaan dengan kerajaan kekal stabil, walaupun hubungan rakyat dengan rakyat terjejas.

---

<sup>25</sup> Lai Yew & Yuddy Chrisnandi, Nasionalisme dan Politik Kuasa dalam Hubungan Luar Indonesia dengan Malaysia: Kajian Kes ke atas Pertikaian Ambalat (2005). *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*. 2013.



Kajian ‘Islamisasi dan Kaitannya Dengan Hubungan Serantau Malaysia-Indonesia’ oleh Mashitah & Redzuan Othman adalah kajian yang bersifat deskriptif tentang aktiviti pengislaman dan jaringan ulama di Alam Melayu dan kebangkitan Islam dan kaitannya dengan hubungan serantau Malaysia-Indonesia, 1970-an sehingga 1990-an. Ciri-ciri kebudayaan Islam dengan persamaan budaya melayu dan ciri kepulauan menyatukan umat islam di rantau ini. Artikel ini turut membincangkan gerakan pembaharuan dalam masyarakat yang telah mengambil model gerakan di Mesir sebagai pendekatan pendidikan madrasah. Selain itu, penglibatan NGO dan Pusat Pengajian Tinggi Malaysia dan Indonesia seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII) dalam perkembangan Islam telah menyemarakkan kesedaran masyarakat terhadap amalan dan ketuhanan Islam secara menyeluruh.<sup>26</sup>

Selain itu, artikel yang bertajuk *Tunku Abdul Rahman and Malaya's Relations with Indonesia 1957-1960* oleh Joseph Chinyong Liow merupakan kajian yang menganalisis pembuatan dasar luar dari sudut sumbangan kepada hubungan dengan Indonesia. Fokus kajian kepada tindakan dasar luar Tunku Abdul Rahman dalam isu-isu hubungan Malaysia dan Indonesia. Beberapa persoalan ditimbulkan mengenai kemerdekaan Malaysia dan Indonesia yang berbeza dalam menghadapi cabaran mencapai kemerdekaan. Pengkaji turut menyentuh beberapa isu berkaitan isu PRRI dan isu Irian Barat yang melibatkan beberapa tekanan di pihak Malaysia akibat isu berkenaan. Isu Irian Barat turut diperihalkan secara kronologi. Peristiwa isu Irian Barat yang melibatkan pendirian Tunku Abdul Rahman dalam isu berkenaan.

<sup>26</sup> Mashitah & Redzuan Othman, Islamisasi dan Kaitanya Dengan Hubungan Serantau Malaysia-Indonesia. *Jurnal Sejarah, Universiti Malaya*. 2015.



Peristiwa PRRI dan Irian Barat telah menyebabkan ekonomi Indonesia mengalami keadaan yang buruk akibat membelanjakan wang yang banyak dalam isu berkenaan. Secara keseluruhannya, artikel ini telah lebih memfokuskan dasar Tunku Abdul Rahman dalam menjalankan hubungan dengan Indonesia.

Berdasarkan pemerhatian, kajian berkaitan diplomatik hubungan Malaysia-Indonesia yang sebelum ini banyak memfokuskan hubungan kedua-dua negara berasaskan isu konflik dan teknik penyelesaian. Selain itu, kajian lain juga banyak tertumpu kepada sejarah hubungan Malaysia-Indonesia dari aspek politik, keselamatan dan kebudayaan, kurang kajian berkenaan kerjasama ekonomi, jika dibincang lebih bersifat umum. Beberapa isu terabai dalam kajian hubungan Malaysia dan Indonesia yang tidak begitu fokus dalam membincangkan hubungan ekonomi terutama dalam sistem politik diplomasi yang mempengaruhi hubungan kedua-dua negara.

Selepas menganalisis ketiga-tiga tema dalam kajian terdahulu, dapat dinyatakan bahawa berlakunya perubahan corak sistem politik pentadbiran dan ekonomi daripada kerajaan awal di Asia tenggara, era kolonial sehingga era moden pasca kemerdekaan. Jika diamati bahawa perhubungan diplomatik kerajaan awal di Asia Tenggara dalam sistem ekonomi banyak dipengaruhi oleh kepercayaan traditional dan pengaruh agama dalam sistem pemerintahan politik awal. Pengaruh daripada migrasi masyarakat dari China dan India dan pengaruh pedagang luar dalam aktiviti perdagangan telah membentuk corak kerajaan agraria dan maritim. Kuasa politik pemerintahan telah mempengaruhi sosio-masyarakat setempat dalam corak kehidupan dan juga ekonomi. Ketika era kolonial, sistem ekonomi telah diubah





mengikut sistem peraturan dan undang-undang British di Malaysia dan Belanda di Indonesia. Keadaan ini telah mengubah landskap masyarakat setempat dan mewujudkan suasana baharu dalam sistem perdagangan dan ekonomi yang dikawal oleh kuasa penjajah. Kesan daripada sistem penjajah ini maka beberapa perubahan corak ekonomi yang berasaskan pertanian dan perdagangan dimajukan dengan sistem kapitalis industri iaitu bijih timah dan pemprosesan getah. Sistem politik dan pemerintahan yang kuasai dan dikawal oleh penjajah menyebabkan masyarakat setempat mengikut corak sosio budaya dan ekonomi yang telah diperkenalkan oleh British dan Belanda dengan memperkenalkan peraturan dan undang-undang yang menguntungkan ekonomi penjajah. Selepas pasca kemerdekaan Malaysia dan Indonesia, sistem politik pemerintahan bertukar kepada sistem berasaskan kedaulatan negara yang memisahkan hubungan wilayah dan persempadanan. Ini telah melahirkan kepentingan dan kelangsungan ekonomi, politik dan keselamatan untuk negara. Maka hubungan diplomatik baharu dijalankan melibatkan kedua-dua negara dalam kerjasama politik, ekonomi dan keselamatan. Kajian seterusnya, pengkaji akan menganalisis dasar ekonomi dan luar negara terhadap peranan penting hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia.

#### 1.4 Pernyataan Masalah

Hubungan diplomatik Malaysia-Indonesia sudah terjalin sekian lama dengan beberapa kerjasama dari segi politik, keselamatan, sosio-budaya dan juga ekonomi. Selain itu, di awal persahabatan hubungan kedua-dua negara ini lebih tertumpu untuk membina keyakinan dan kerjasama dalam aspek politik dan sosial. Namun demikian, kerjasama dalam ekonomi telah mengalami beberapa fasa perubahan



sejak kemerdekaan negara pada tahun 1957. Perkembangan kerjasama ekonomi dijalankan adanya pasang surut akibat beberapa isu politik antara kedua-dua negara. Walaupun negara pernah menghadapi konfrontasi ekonomi ketika era pembentukan Malaysia oleh Sukarno, namun politik keselamatan kedua-dua negara masih stabil dan terkawal sehingga tidak membawa kepada peperangan. Kewujudan masalah hubungan ekonomi kedua-dua negara sehingga menimbulkan krisis adalah berpunca dari pada pelbagai faktor yang berbeza di setiap era Perdana Menteri Malaysia dalam hubungan kerjasama ekonomi dengan Indonesia.

Di era Tunku Abdul Rahman masalah sistem politik dunia yang bersifat dwipolar menyebabkan Malaysia lebih kepada dasar Barat manakala Indonesia di bawah Sukarno anti-barat dan anti-imperialisme yang membawa kepada ketegangan kedua-dua negara. Menurut sarjana politik dan antarabangsa David Mittrany, menyatakan bahawa kebergantungan kerjasama ekonomi antara negara akan mewujudkan hubungan integrasi antara negara yang akan membawa '*spill-over*' kepada integrasi hubungan politik keselamatan. Begitu juga ketika era Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn merupakan era pemulihan dan pembangunan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia selepas krisis konfrontasi pada tahun 1963. Di era, Tun Mahathir perubahan modenisasi ekonomi global dengan kewujudan pasaran bebas dan perubahan perdagangan dunia turut merubah hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia.

Namun begitu, kajian kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia adalah terbatas kerana kajian akan memfokuskan hubungan kerjasama antara kerajaan dan kerajaan dalam menggerakkan hubungan ekonomi kedua-dua negara. Kajian tidak

menyentuh peranan yang dimainkan oleh sektor swasta dan agensi ekonomi lain dalam sektor ekonomi iaitu MNC, TNC dan Organisasi ekonomi antarabangsa membantu dalam meningkatkan ekonomi kedua-dua negara. Kajian ini akan menganalisis sistem dan dasar ekonomi dalam negara yang memberi impak kepada hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia bagi melihat kepentingan hubungan ekonomi kepada Malaysia. Selain itu, hubungan diplomatik dan kerjasama ekonomi yang dikaji berdasarkan era Perdana Menteri Malaysia Pertama sehingga Keempat dari tahun 1957 sehingga 2003 akan menganalisis cabaran dalam hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia.

Kajian ini adalah suatu yang penting kerana pengkaji akan menganalisis secara mendalam hubungan bilateral dan multilateral dalam kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia. Kajian juga akan menganalisis perkembangan pembaharuan dasar ekonomi yang menjamin pembangunan ekonomi dan kestabilan hubungan politik kedua-dua negara. Selain itu, kajian ini akan mengkaji kelompongan kajian sebelum ini yang hanya tertumpu kepada peranan negara dan hanya membincangkan isu-isu keselamatan dan kebudayaan kedua-dua negara. Selain itu, kajian juga akan menganalisis perubahan dan perkembangan sistem ekonomi Malaysia terhadap hubungan ekonomi dengan Indonesia dalam sistem politik antarabangsa yang memberi impak kepada hubungan ekonomi kedua-dua negara. Hasil daripada kajian ini, akan dapat menjadi penanda aras kepada pembuat dasar, golongan elit dan sarjana dalam menentu polisi dan dasar yang sesuai.

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat perkembangan dan perubahan hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia dengan melihat faktor kepimpinan melalui impak hubungan kerjasama ekonomi Malaysia-Indonesia dari tahun 1957 sehingga 2003 kepada Malaysia. Secara khususnya beberapa objektif kajian telah disusun seperti berikut:

1. Menjelaskan hubungan diplomatik dan ekonomi Malaysia-Indonesia dalam kerjasama ekonomi era Tunku Abdul Rahman dari tahun 1957 sehingga 1970.
2. Menilai perkembangan hubungan Malaysia dan Indonesia dalam pemulihran hubungan politik dan kerjasama ekonomi pasca konfrontasi era Tun Abdul Razak dari tahun 1970 sehingga 1977.
3. Menjelaskan kesinambungan hubungan kerjasama ekonomi Malaysia-Indonesia era Tun Hussein Onn dari tahun 1977 sehingga 1981.
4. Menganalisis modernisasi hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia era Tun Mahathir Mohamad dari tahun 1981 sehingga 2003.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian tentang sejarah hubungan Malaysia dan Indonesia dalam kerjasama ekonomi dari tahun 1957 hingga 2003 adalah suatu kajian yang penting untuk memahami hubungan kerjasama ekonomi yang dijalankan kedua-dua negara. Kajian yang memfokuskan era Perdana Menteri Pertama iaitu Tunku Abdul Rahman sehingga Perdana Menteri Keempat, Tun Mahathir Mohamad sebagai tempoh masa kajian



dalam membincangkan perkembangan dan perubahan hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia.

Kajian ini penting untuk menjelaskan bahawa faktor kepimpinan memainkan peranan penting dalam hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia. Pentingnya kajian ini berbanding kajian adalah tumpuan yang memfokuskan hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia berbanding kajian lain yang lebih menumpukan kerjasama politik dan keselamatan.

Seterusnya, kajian ini mampu memberi sumbangan akademik dalam menjelaskan dan memahami sejarah hubungan Malaysia dan Indonesia dalam kerjasama ekonomi. Selain itu, ia juga dapat dijadikan sebagai idea dan dasar untuk memperkuatkan hubungan Malaysia dan Indonesia. Selain itu, kajian ini dapat memberi maklumat dan fakta dalam hubungan Malaysia dan Indonesia kerjasama ekonomi kepada pengkaji, pelajar dan peminat sejarah Malaysia dan Asia Tenggara.

## 1.7 Skop Kajian

Pemilihan hubungan Malaysia dengan Indonesia dalam kajian kerjasama ekonomi adalah untuk memperlihat perubahan dan perkembangan dasar ekonomi kedua-dua negara yang diambil selepas pasca merdeka yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi selepas era penjajahan. Terdapat beberapa skop kajian dalam menjalankan kajian ini antaranya. Pertama, hubungan Malaysia dan Indonesia dalam kerjasama ekonomi adalah kajian yang penting untuk mengetahui sejauh mana kerjasama ini memberi impak kepada ekonomi Malaysia dan selain menjadi penentu





faktor utama kepada perkembangan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia. Ini penting untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kerjasama bagi menyelaraskan dasar atau polisi hubungan kedua-dua negara dalam kerjasama ekonomi. Kedua, kebergantungan ekonomi yang diperoleh dalam kerjasama Malaysia dan Indonesia menjadi landasan penting kepada kerjasama dalam bidang yang lain seperti politik, pertahanan dan keselamatan, dan sosio-budaya. Kerjasama ekonomi yang utama antara Malaysia dan Indonesia adalah dalam sektor pelaburan, perdagangan dan guna tenaga. Selain itu, hubungan ekonomi kedua-dua negara telah mempengaruhi kestabilan hubungan politik dan keselamatan Malaysia dan Indonesia. Namun begitu, terdapat batasan dalam kajian yang akan hanya melihat kerjasama ekonomi dari sudut peranan kerajaan Malaysia dan Indonesia dalam membentuk dasar dan peluang kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia tidak menyentuh secara mendalam peranan sektor swasta dan agensi ekonomi yang lain.



Ketiga, skop kajian telah menumpukan era tahun 1957 tahun kemerdekaan Malaysia yang secara rasmi termeterainya hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia. Pemilihan tahun 1957 sebagai tahun bermula kajian kerana Malaysia mula mentadbir negara selepas kemerdekaan dan bermulanya dasar-dasar ekonomi dan luar negara dalam menjaga kelangsungan dan kepentingan negara. Indonesia adalah negara jiran yang penting dalam ekonomi Malaysia malahan juga dalam pertahanan dan keselamatan bagi memastikan hubungan baik kedua-dua negara terus terjalin. Dalam kajian ini, semestinya hubungan dan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia akan dikaji secara mendalam bagi mengetahui sejauh mana perkembangan dan perubahan hubungan ekonomi kedua-dua negara memberi impak kepada ekonomi negara. Selain itu juga, memberi kesan kepada hubungan politik kedua-dua negara.



Kajian terhenti pada tahun 2003 sebagai tahun asas pemulihan ekonomi akibat krisis ekonomi 1997 yang dihadapi oleh Malaysia dan Indonesia dan merupakan tahun terakhir pentadbiran Tun Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, Keempat. Tempoh enam tahun 1997 sehingga 2003 dianggap penting bagi memulihkan semula ekonomi berdasarkan tindakan awal pemulihan ekonomi sebelum abad ke-21.

## 1.8 Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan adalah analisis sejarah untuk mengenal pasti sesuatu dasar berpandukan analisis dokumen, data statistik dan temubual. Kajian dokumen yang diaplikasikan dalam analisis bersifat kronologi dan deskriptif untuk mengkaji dasar luar dan dasar ekonomi Malaysia dan Indonesia. Ini penting untuk melihat dasar ekonomi dan perdagangan hubungan Malaysia-Indonesia dalam kerjasama ekonomi terhadap negara dan juga pengaruh ekonomi terhadap hubungan politik diplomatik dan keselamatan. Teknik kajian sejarah yang dilakukan adalah berdasarkan data temubual, data dokumen dan analisis kandungan dokumen. Temubual yang dijalankan adalah temubual berstruktur mengikut susunan bab kajian dan temubual separa-berstruktur yang berpandukan idea dan isu yang dibincangkan lebih mendalam.

### 1. Pengumpulan Bahan

Data yang akan digunakan dalam kajian ini adalah data yang diperolehi melalui sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah daripada dokumen kerajaan, perjanjian dan draf mesyuarat, ucapan-ucapan terbitan kerajaan dan kertas-kertas peribadi berkaitan dengan dasar luar dan ekonomi negara. Bahan-



bahan bagi sumber primer dan sekunder di peroleh di Dewan Penyelidikan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI), Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba (UM), Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Abdul Razak, Memorial Tun Hussein Onn, Wisma Putra, Putrajaya dan Kementerian Luar Indonesia, Jakarta. Pengkaji menggunakan kaedah temubual beberapa individu yang terlibat secara langsung dalam bidang hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia. Selain itu, ahli akademik IPTA tempatan dan luar yang mempunyai kepakaran dalam bidang hubungan luar dan ekonomi. Antara yang ditemubual adalah Prof Emiratus Dorodjatun Kuntjoro-Jakti bekas Menteri Ekonomi dan Kewangan Indonesia di era Megawati Sukarno dan berpengalaman dalam hal ehwal ekonomi Indonesia selama 40 tahun. Melalui temubual berstruktur dan separa-berstruktur pengkaji akan dapat mengetahui lebih mendalam mengenai kerjasama ekonomi oleh kedua-dua negara terutama berkaitan dengan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia.

Sumber sekunder adalah terdiri dari buku-buku, penulisan akademik, majalah dan akhbar. Antara buku yang menjadi rujukan pengkaji ialah buku berkaitan dengan kajian dasar ekonomi dan dasar luar negara. Selain itu, buku-buku laporan tahunan dan statistik juga digunakan di dalam kajian untuk mendapatkan data berkaitan guna tenaga, perdagangan dan pelaburan asing. Data maklumat dan statistik yang diambil akan disusun mengikut analisis kajian untuk menjawab beberapa persoalan kajian.

Sumber dari internet juga turut digunakan untuk mendapatkan data, graf,



statistik dan maklumat-maklumat lain yang tidak terdapat di dalam buku, dan artikel jurnal. Sumber dari internet yang diambil dalam kajian adalah sumber yang berbentuk akademik dan fakta yang sahih. Antara maklumat dari internet yang dilayari oleh pengkaji adalah laman web rasmi Kementerian Penerangan Malaysia, *Ministry of Foreign Affairs Republic of Indonesia, Association of Southeast Asian Nations*, Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI), Kementerian Pertanian dan Asas Tani dan beberapa kementerian lain, Institut Penyelidikan dan Jabatan Pertanian Malaysia. Sumber-sumber lain yang turut digunakan di dalam kajian ialah majalah akademik dan artikel akhbar yang berkaitan dengan kajian. Antara majalah akademik yang digunakan dalam kajian ialah majalah ‘*The Economist*’ ‘*Far Eastern Journal*’, ‘*Dewan Ekonomi*’ dan akhbar-akhbar tempatan ‘*Bernama*’, ‘*Jakarta Post*’ dan ‘*Kompas*’.



## 2. Kritikan Bahan

Dalam mendapatkan sumber sejarah, beberapa kritikan luaran dan dalaman dilakukan bagi memastikan bahan yang digunakan memenuhi kriteria bahan yang tidak diragui sumber dan faktanya. Kritikan luaran sumber sejarah adalah melalui kepakaran daripada luaran bidang untuk mengesahkan sumber. Kritikan luaran sumber untuk kajian ini adalah mendapatkan data atau statistik berkaitan ekonomi daripada pakar bidang ekonomi daripada Malaysia dan Indonesia. Bahan-bahan ini di peroleh melalui Kementerian Kedua-dua negara dalam ekonomi dan luar negara. Selain itu, Kritikan dalaman dilakukan dengan membuat pentaksiran sumber berdasarkan ketepatan dan kerjasional maklumat dan sumber. Tujuannya adalah untuk memastikan semua peristiwa itu adalah tepat dan tidak palsu. Sumber kritikan dalaman lebih kepada kesahihan fakta yang akan diutamakan sumbernya



daripada arkib dan laporan kementerian. Selain itu, beberapa bahan buku dan artikel yang di sahih akan diambil sebagai sumber kajian. Begitu juga, dengan proses temubual dalam mendapatkan maklumat dan bahan adalah orang yang mempunyai autoriti dalam kajian dan mempunyai kepakaran dalam bidang kajian yang dilakukan.

### 3. Analisis Bahan

Dalam mengkaji hubungan Malaysia-Indonesia dalam kerjasama ekonomi pelbagai teori dan pendekatan yang telah digunakan oleh pengkaji sebelum ini. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan analisis sejarah dalam melihat perkembangan dan perubahan dalam menganalisis hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia.



### 4. Penulisan

Bagi menganalisis perkembangan Dasar Ekonomi Negara dalam hubungan kerjasama ekonomi dengan Indonesia dari tahun 1957-2003. Pendekatan yang digunakan ialah menilai:

1. Perkembangan dasar ekonomi negara daripada pasca merdeka sehingga tahun 2003 dan menganalisis dasar ekonomi negara terhadap kerjasama dengan Indonesia.
2. Perkembangan hubungan dua hala dalam diplomatik mengikut era Perdana Menteri Malaysia dari tahun 1957 sehingga tahun 2003. Analisis akan melihat hubungan kerjasama diplomatik kedua-dua negara yang memberi impak terhadap hubungan ekonomi
3. Perkembangan dasar luar ekonomi dan hubungan ekonomi Malaysia dan





Indonesia dalam penglibatan organisasi regional ASEAN dan Antarabangsa.

### 1.9 Pembahagian Bab

Kajian ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama adalah pendahuluan yang akan membincangkan objektif dan persoalan kajian, kajian terdahulu, metodologi kajian dan pembahagian bab. Bab kedua, pengkaji akan menganalisis perkembangan ekonomi daripada kerajaan awal di Asia Tenggara dan zaman kolonial Barat sehingga pasca kemerdekaan. Dalam bab ketiga, pengkaji akan mengupas hubungan ekonomi Malaysia-Indonesia era Tunku Abdul Rahman dari tahun 1957 sehingga 1970.

Bab keempat, menganalisis hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia



dalam kerjasama ekonomi pasca konfrontasi era Tun Abdul Razak dari tahun 1970 sehingga 1977, Bab kelima, pengkaji akan menganalisis hubungan Malaysia dan Indonesia dalam kerjasama ekonomi ketika era Tun Hussein Onn 1977 sehingga 1981 dan Bab keenam, mengkaji kerjasama ekonomi era Tun Mahathir Mohamad dari tahun 1981 sehingga tahun 2003.

Bab terakhir adalah kesimpulan yang akan membincangkan penemuan hasil kajian. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan saran-saran untuk memperkuuhkan hubungan ekonomi Malaysia-Indonesia.

